

31 JUL 1999

AGONG, DR MAHATHIR SAMPAIKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA PRESIDEN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengucapkan takziah kepada Presiden Singapura Ong Teng Cheong kerana kematian isterinya semalam.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah menyatakan perasaan amat sedih mereka mendengar berita kematian Puan Ong.

"Rakyat Malaysia bersama kami untuk mengucapkan takziah kepada Tuan Yang Terutama dan keluarga terhadap kematian beliau," titah Seri Paduka dalam perutusannya yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini.

Dalam mesejnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau turut sedih mendengar berita kematian Puan Ong.

Singapura kehilangan Wanita Pertamanya yang berdedikasi, katanya.

"Pada saat kesedihan ini, isteri saya (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali) ingin bersama saya menyampaikan ucapan takziah dan simpati kami kepada Tuan Yang Terutama dan keluarga atas kehilangan besar ini," kata Dr Mahathir.

Ong, 62, meninggal dua selepas dua tahun setengah menghidap kanser.

-- BERNAMA

MAM RON